

BULETIN PESARA

Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 7 JULAI 2017

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

UTUSAN DARIPADA JAWATANKUASA

Assalamualaikum dan salam sejahtera daripada AJK Persatuan Pesara UKM (2017-2019). Kami amat mengalu-alukan penyertaan ahli dalam aktiviti-aktiviti anjuran Persatuan demi kelangsungan silaturahim antara kita yang telah terjalin sejak dalam perkhidmatan dengan UKM lagi. Kita perlu mengelak daripada terputusnya silaturahmi apabila tamatnya perkhidmatan kita dengan UKM. Persatuan Pesara adalah satu-satunya wadah terbaik untuk kita terus bersilaturahim dan berhubung dengan UKM.


Kami juga amat mengalu-alukan usaha ahli untuk menjemput rakan-rakan pesara UKM yang belum menjadi ahli supaya menjadi ahli Persatuan Pesara supaya kebajikan dan juga sumbangan mereka kepada UKM tidak dilupakan. Daripada segi sokongan yang diberikan oleh pihak pengurusan UKM kepada ahli-ahli persatuan, Alhamdulillah amatlah memuaskan. Sebagai contoh Pengurusan UKM senantiasa membuka ruang kepada pihak Persatuan untuk memberi cadangan bagi meningkatkan dan mempermudah proses untuk ahli-ahli mendapatkan perkhidmatan dan rawatan di HTCM, PPUKM.

Sidang editor Buletin:

- ✓ Zakaria Ismail (Dr) – Ketua
- ✓ Salmah Kasmani

Ahli-ahli Persatuan juga terlibat dengan aktif dalam aktiviti-aktiviti UKM seperti Majlis Sambutan 47 Tahun UKM dan Majlis Menghayati Nuzul Al-Quran UKM 2017. Di samping itu kerjasama dengan Muzium Warisan Akademik UKM bagi mengadakan dan menjayakan Sesi UKM Bercerita akan diteruskan lagi pada tahun ini, memandangkan betapa pentingnya sejarah perjuangan untuk menubuhkan dan membangunkan sebuah universiti bernama UKM ini dan cabaran serta rintangannya sentiasa segar mekar dalam ingatan kakitangan dan pelajar UKM sekarang ini dan juga masa-masa akan datang.

Akhir sekali sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, kami AJK Persatuan Pesara UKM mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin. Wassalam.



PEGAWAI-PEGAWAI PERSATUAN 2017/2019

AJK (Majlis Pegawai Persatuan)
(*email: pesara@ukm.edu.my*)

Pengerusi
Anuwar Ali (Prof. Emeritus Tan Sri Dr.)
(012 3202628)

Timbalan Pengerusi
Mohd. Wahid Samsudin (Dato' Dr.) (013 3357676)

Setiausaha
Abd. Talib Harun (019 3289426)

Penolong Setiausaha

Noraini Hussin (012 2149241)

Bendahari

Rosenaini@Rusnaini A. Saman (012 3349145)

AHLI JAWATANKUASA

- Ishak Arshad (Ir.) (019 3304270)
- Kamariah Mohd. Yusof (017 3193734)
- Mohammed Othman (012 2133136)
- Muhammad Yahaya (Prof. Emeritus Dato' Dr) (013 3357477)
- Omar Jaafar (012 2026496)
- Zakaria Ismail (Dr) (017 6140438)

Tugas-tugas Khas

- Baharudin Alang Ishak (012 6429793)
- Salmah Kasmani (012 3755899)

Juruaudit

- Laily bin Din (Prof. Emeritus Dato' Dr.) (012223024)
- Sabardin Ahmad (019 2456823)

BIRO-BIRO

Biro Penerangan/Penerbitan dan Kebajikan

Zakaria Ismail (Dr). Ketua

Unit Penerangan/Penerbitan

- Zainal Abidin Hashim (Dr) (Ketua)
- Jalilah Mail
- Khalis Md. Salleh
- Omar Jaafar

Unit Kebajikan

- Kamariah Mohd. Yusof (Ketua)
- Mohammed Othman
- Nasarah Mohd. Tahir
- Ramli Mahmood
- Salmah Kasmani

Biro Riadah dan Lawatan

- Muhammad Yahaya (Prof. Emeritus Dato' Dr) (Ketua)
- Abd. Rahman Madon
- Ishak Hj. Arshad (Ir)
- Kamariah Mohd. Yusof
- Mohammed Othman
- Noraini Hussin
- Salmah Kasmani

JAMUAN HARI RAYA IDUL FITRI 1438/2017

Majlis diadakan pada 21 Julai 2017; jam 2.30 petang, bertempat di Dewan Bankuasi, Aras 2, Bangunan Canselori, UKM.

KAD PESARA UKM

Semua mantan kakitangan UKM (yang bersara dari UKM sehingga akhir perkhidmatannya) digalakkan untuk membuat KAD PESARA bagi kemudahan mendapatkan rawatan di Hospital Canselor, Tunku Mukhriz, Pusat Perubatan UKM.

Bagi yang belum mendapat Kad Pesara ini, anda hanya perlu sediakan sekeping gambar berukuran pasport dan terus ke Jabatan Pendaftar, Bahagian Pencen, UKM,, Kad akan diproses pada masa itu juga.

WAD WARGA, HTCM, PPUKM

Kelayakan

- Semua pesara UKM berpcen diri sendiri dan pasangan
- Pesara UKM skim KWSP untuk diri sendiri sahaja

Dokumen yang diperlukan

- Kad pesara yang dikeluarkan oleh JPA
- Kad pesara yang dikeluarkan oleh UKM

**PERMOHONAN TUNTUTAN
PERJALANAN BAGI TUJUAN
RAWATAN PERUBATAN KE
HOSPITAL BAGI PESARA
PERKHIDMATAN AWAM. RUJUK
BORANG JPA.BP.UBAT.B04.**

Kemudahan bagi pesara yg membuat rawatan di Hospital. Dokumen berikut hendaklah di buat salinan serta dilampirkan iaitu:

1. Arahan Doktor (Contoh rujuk ke IJN)
2. Slip kehadiran
3. Kad Pesara.
4. KP Isteri.
5. KP Pesara.
6. Resit Tol
7. Penginapan resit hotel Lebih 25 Km. Jika kurang boleh tuntutan elaun perjalanan sahaja. Jika perlu penerangan lanjut telefon nombor di bawah dan borang boleh didapati di laman web: www.kwap.gov.my
8. Borang Lengkap hantar kpd Alamat :-

Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)
Aras 1 Sky Tech Tower 2
MKN Embassy Techzone,
Jln Teknokrat 2, Cyber 4
63000 Cyberjaya
Selangor. No. Tel: 03-8887 8777

**BANTUAN PENGURUSAN
JENAZAH/KHAIRAT KEMATIAN**

Untuk makluman ahli, sekiranya berlaku kematian, waris boleh membuat tuntutan:

- Jabatan Pencen JPA – bagi penjawat awam
- Pejabat Adun Selangor Daerah bagi anak Selangor atau yang telah lama menetap di negeri Selangor
- KWSP – bagi mereka yang masih mencarum
- BSN – bagi mereka yang mendapat bantuan BRIM (untuk keterangan lanjut, hubungi Lembaga Hasil

Dalam Negeri Daerah di mana
pengurusan BRIM dibuat)

**UBAT-UBAT YANG PERLU DIBELI
BAGI PESARA UKM DI PPUKM**

Ubat-ubat yang perlu dibeli bagi pesara
UKM di PPUKM

Tata cara

1. Dapatkan preskripsi ubatan daripada Dr yang merawat
2. Ambil ubat di Farmasi UKM (Kakitangan Farmasi akan menandakan ubat-ubat yang boleh dibekalkan percuma atau yang perlu dibeli pada preskripsi ubatan tadi
3. Kemudian ambil Borang Perubatan 1/09(T) yang dikeluarkan oleh JPA, sama ada di klinik rawatan atau di FARMASI NF, HCTM, PPUKM (pintu masuk 2 HCTM)
4. Penuhi bahagian yang tertentu dan kembalikan kepada klinik di mana pesakit mendapat rawatan untuk pengesahan Dr. bersama preskripsi ubatan tadi
5. Buat salinan semua dokumen yang ada termasuk kad pengenalan, kad pesara UKM dan preskripsi ubatan. Buat 2 salinan setiap dokumen dan simpan satu salinan untuk kemudahan mengambil ubat yang sama buat kali yang kedua
6. Ambil no. giliran di FARMASI NF dan tunggu sehingga no. anda dipanggil
- 7 Serahkan semua setiap satu salinan dokumen yang berkenaan di kaunter FARMASI NF HCTM, PPUKM (terletak bersebelahan kaunter fotokopi)
7. Tunggu no. giliran anda di panggil.
8. Anda akan terus mendapat ubatan-ubatan yang diperlukan jika ada stok.

Perbezaan: kalau dahulu kita kena beli ubat-ubatan tersebut kemudian baru buat tuntutan di UKM atau JPA.

JEMPUTAN DARIPADA UKM/YAYASAN PESARA

Persatuan telah menerima beberapa undangan daripada UKM antaranya:

1. Majlis Forum PT50 Pesara di Hotel Istana, Kuala Lumpur, pada 2 Mei 2017
2. Program Menyantuni Mantan Naib Canselor Pertama UKM pada 16 Mei 2017
3. Majlis Sambutan 47 tahun UKM, 18 Mei 2017 di Dataran Canselori
4. Majlis Berbuka Puasa Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia bersama YAB PM pada 13 Jun 2017 di Seri Perdana, Putrajaya
5. Majlis Menghayati Nuzul Al-Quran Peringkat UKM 2017 dan Iftar Bersama Pelajar Antarabangsa pada 15 Jun 2017 bertempat di Masjid UKM.
6. Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran Muzium Warisan Akademik, UKM 17 Julai 2017 di Dewan Bankuasi, jam 12.00 tgh hari.
7. Majlis Sambutan Hari Raya Idul Fitri UKM pada 21 Julai 2017, jam 9.00 pagi di DECTAR.

BIRO PENERANGAN, PENERBITAN DAN KEBAJIKAN (BPPK)

Menziarahi dan memberi sumbangan:

Berpulang kerahmatullah:

- Arwah Mahat Osman (bukan ahli) pada 13 April 2017
- Arwah Aisah Ahmad (bukan ahli) pada 25 April 2017
- Arwah Ismail Abd. Kadir (PP0086) pada 28 April 2017

Keuzuran

- Dr. Farid Onn (PP0128) pada 29 April 2017
- Puan Mazanah Sabitah (PP0103) pada 5 Mei 2017

- Tuan Hj. Baharudin Alang Ishak (PP00010 pada 13 Mei 2017)

BIRO RIADAH DAN LAWATAN

Riadah:

Senaman Qigong setiap Sabtu di Taman Cempaka BBB Setiap Hari Sabtu

Senamrobik anjuran Klinik Kesihatan Bandar Baru Bangi setiap Jumaat jam 8.15 pagi atau setiap Rabu dan Jumaat jam 5.30 petang bertempat di kawasan parkir bersebelahan klinik

Lawatan:

Kunjungan ke Lombok + Golf
Tarikh 4-7 Dis., 2017 (tentatif)

Golf Amal

26 November bertempat di KRU.
(hubunginya Y. Bhg Prof. Emeritus Dato Dr. Muhammad Yahaya 013 3357477)

Umrah

Tarikh 25 Dis. 2017 (tentatif)

Sebarang pertanyaan mengenai lawatan dan umrah sila hubungi:
Ishak Arshad (Ir.) (019 3304270)